

Nama Suratkhbar: Berita Harian (BH2/Sastera),

Tarikh: 3 Mac 2016 (Khamis),

Mukasurat : 4

4 BH2 SASTERA

© KHAMIS 3 MAC 2016

BH



» Penerbit letak harga tinggi bagi langganan, lihat perpustakaan pembeli komersial

## Cabaran kumpul maklumat digital



“Hala tuju kami adalah membina pusat repositori kebangsaan yang menyimpan semua koleksi bahan tempatan dan ia mestilah boleh diakses serta digunakan secara optimum”

**Nafisah Ahmad,**  
Pengarah Perpustakaan Digital Negara PNM

**Oleh Latifah Arifin**  
latifah@bh.com.my

Cabaran utama dalam menyediakan perkhidmatan pangkalan data dan kandungan digital bagi perpustakaan khususnya dalam kalangan universiti awam (UA) adalah meletakkan bahan digital sedia ada dengan beban kewangan yang tinggi apabila kebanyakan penerbit meletakkan harga yang tinggi bagi langganan dengan terma serta syarat yang tidak bersifat ‘menang-menang’.

Hal itu disuarakan Ketua Pustakawan, Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Mazmin Mat Akir dalam Forum Masa Depan Perpustakaan Digital Untuk Universiti di Malaysia yang melihat usaha pustakawan untuk mengekalkan serta menambah kandungan digital berdepan kesukaran jika penerbit buku atau pembekal kandungan melihat perpustakaan sebagai pembeli komersial.

“Sepuluh tahun dulu, bahan dalam bentuk digital mungkin satu tren, tetapi sekarang ia sudah berubah menjadi satu keperluan terutama bagi UA.

**Pembekal letak harga tinggi**

“Perpustakaan berdepan cabaran cukup besar kerana selain menyediakan prasarana sesuai seperti tablet dan monitor skrin lebar untuk pengguna, pustakawan juga perlu memberi perhatian kepada permasalahan jaringan internet dan memikirkan strategi pembelian langganan kandungan digital yang menguntungkan,” katanya pada acara yang berlangsung di Bilik Seminar, Perbadanan Kota

Buku (PKB), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Katanya, kebanyakan pembekal kandungan digital meletakkan harga yang tinggi dengan pelbagai caj tambahan, selain menggunakan strategi tertentu seperti pembelian berpakej yang tidak membenarkan pilihan bahan dilakukan oleh pihak perpustakaan.



“Mungkin orang ramai tidak tahu bahawa membeli buku digital lebih rumit berbanding naskah fizikal kerana bukan saja pembekal kandungan meletakkan tempoh tertentu bagi langganan, bahkan banyak kos lain perlu dibayar seperti kos intelektual, kandungan, akses kekal dan arkib.”

“Berikut bajet yang terhad, perpustakaan akhirnya tidak dapat melanggan semua bahan dirasakan penting, sebaliknya perlu membuat pemilihan yang tepat dan di sinilah tanggungjawab penting pustakawan dalam merancang strategi serta membuat pertimbangan bijak bagi mengelakkan terperangkap dengan helah pembekal kandungan,” katanya pada acara anjuran bersama PKB dan E-Sentral itu.

**Mazmin Mat Akir,**  
Ketua Perpustakaan Universiti UniMAP

“Tambah Mazmin, pembekal kandungan digital seharusnya melihat semula beberapa aspek penting terutama harga langganan dan menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi meluaskan kelompok sasaran khalayak pembaca bahan digital milik mereka.

“Pembekal bahan digital perlu sedar bahawa bukan hanya golongan elit saja yang membaca, sebaliknya orang awam seperti pelajar sekolah menengah juga antara kelompok sasaran yang perlu diberi perhatian.

“Diharapkan ada inisiatif terutama daripada pihak bertanggungjawab bagi membantu membina kerjasama berbentuk menang-menang di antara penerbit dan perpustakaan kerana dua pihak ini adalah rangkaian yang saling memerlukan.

“Penerbit sepatutnya bersifat lebih memahami kerana untuk apa mereka membangunkan pel-

bagai kandungan digital, tetapi ia pada akhirnya tidak dapat diakses oleh masyarakat kerana harga yang terlalu mahal,” katanya.

Mazmin turut memberitahu Sastera BH, pangkalan data yang diwujudkan pada tahun 2000 iaitu The Malaysian Online E-Resources Consortium atau MOLEC antara inisiatif digerakkan oleh pustakawan di UA dan swasta bagi pengurusan langganan bahan digital secara konsortium atau perkongsian.

**Penerbit asing kuasa pangkalan data**

Katanya, perpustakaan juga amat ‘dahagakan’ kandungan digital tempatan yang jumlahnya amat kecil jika dibandingkan dengan langganan bahan milik penerbit antarabangsa.

“Satu fakta yang tidak dapat dinafikan adalah senarai pangkalan data langganan di UA dikuasai oleh penerbit antarabangsa.

“Saya tertanya-tanya kenapa majalah intelek seperti keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tidak digitalkan, sedangkan ia antara bahan penting yang diinginkan oleh perpustakaan digital UA.

“Perpustakaan juga selalu merasa kekurangan kerana apabila datang pengkaji asing yang ingin mendapatkan akses mengenai kajian budaya dan masyarakat Malaysia, kita terpaksa mengakui bahawa tidak menyimpan koleksi penting berkenaan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah, Perpustakaan Digital Negara, PNM, Nafisah Ahmad menyeru pemilik bahan kandungan digital terutama perpustakaan supaya memberikan kerjasama dengan tidak ‘menyimpan’ koleksi yang ada, sebaliknya turut menyumbang bagi membina pusat repositori bersifat kebangsaan.

“Hala tuju kami adalah membina

pusat repositori kebangsaan yang menyimpan semua koleksi bahan tempatan dan ia mestilah boleh diakses serta digunakan secara optimum.

“Ini antara cara bagi melindungi bahan yang kita ada terutama kandungan bercirikan warisan negara daripada terlepas begitu saja.

“PNM turut menghantar pegawai ke Perpustakaan Negara Taiwan bagi melihat amalan pendigitalan mereka yang lebih jauh ke depan kerana badan itu menjadi pusat kepada semua kandungan di Taiwan, sama ada dalam bentuk fizikal dan digital, selain membenarkan akses yang luas termasuk bagi bahan milik universiti,” katanya.